

Eksplorasi *al-Tawkīd* sebagai Peranti Retorik melalui Leksikal Sesungguhnya dalam Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu Juzuk 30

Nurul Huda Mohamad, Siti Zaidah Zainuddin

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia

Corresponding author: hma.nurulhuda@gmail.com

Abstrak

Kajian ini meneliti peranan *al-Tawkīd* sebagai unsur retorik penting dalam bahasa Arab yang berfungsi menegaskan makna dan meningkatkan tahap kepastian sesuatu pernyataan dalam al-Quran, dengan fokus kepada representasi leksikal “*sesungguhnya*” dalam terjemahan al-Quran Bahasa Melayu Juzuk 30. Kajian ini menggunakan pendekatan *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) melalui perisian *Sketch Engine*, dengan analisis berteraskan teori *Ilmu Ma‘ānī*, teori *Systemic Functional Linguistics* (SFL), dan teori Kesepadanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 154 partikel *al-Tawkīd* dikenal pasti dalam korpus kajian, dengan empat partikel utama dipadankan dengan leksikal “*sesungguhnya*”, iaitu *inna* (54 kejadian, 49 padanan), *lām al-ibtidā’* (32 kejadian, 6 padanan), *qad* (6 kejadian, kesemuanya dipadankan), dan *nūn al-tawkīd* (5 kejadian, 2 padanan). Selain itu, variasi seperti “*sungguh-sungguh*” dan “*demi sesungguhnya*” turut digunakan sebagai bentuk penguatan makna dalam terjemahan. Analisis berasaskan *Ilmu Ma‘ānī* dan SFL menunjukkan bahawa leksikal “*sesungguhnya*” berfungsi sebagai penanda kepastian klausa (*high certainty marker*), manakala gabungan unsur seperti “*demi sesungguhnya*” menunjukkan usaha mengekalkan intensiti penegasan dalam teks sumber walaupun menimbulkan isu kegramatisan dalam bahasa Melayu. Dapatan ini juga memperlihatkan bahawa kesepadanan terjemahan lebih berjaya dicapai pada peringkat semantik dan pragmatik berbanding gramatikal. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penterjemahan al-Quran memerlukan pendekatan yang menekankan pemindahan fungsi makna dan kesan retorik, bukan sekadar pemindahan bentuk linguistik. Implikasi kajian ini menyerlahkan kepentingan integrasi analisis linguistik dan retorik Arab dalam penterjemahan teks keagamaan, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang padanan terjemahan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam mengekalkan kekuatan penegasan mesej wahyu.

Kata kunci: *al-Tawkīd*, *sesungguhnya*, terjemahan al-Quran, *Ilmu Ma‘ānī*, *Systemic Functional Linguistics*, Teori Kesepadanan

Abstract

This study examines the role of *al-Tawkīd* as a significant rhetorical device in Arabic, functioning to emphasise meaning and enhance epistemic certainty in Qur’anic discourse, with a focus on the lexical representation of *sesungguhnya* in the Malay translation of Juz’ 30. The study adopts a *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) approach using *Sketch Engine*, with analysis grounded in *Ilmu Ma‘ānī*, *Systemic Functional Linguistics* (SFL), and *Equivalence Theory*. The findings reveal that a total of 154 instances of *al-Tawkīd* were identified in the corpus, with four particles rendered through the lexical item “*sesungguhnya*”, namely *inna* (54 occurrences, 49 renderings), *lām al-ibtidā’* (32 occurrences, 6 renderings), *qad* (6 occurrences, fully rendered), and *nūn al-tawkīd* (5 occurrences, 2 renderings). In addition, variations such as “*sungguh-sungguh*” and “*demi sesungguhnya*” are also employed as semantic intensifiers in the translation. Analysis based on *Ilmu Ma‘ānī* and SFL indicates that “*sesungguhnya*” functions as a clause-level high-certainty marker within the interpersonal metafunction, while combinations such as “*demi sesungguhnya*” reflect an attempt to preserve the intensity of emphasis in the source text, albeit raising issues of grammatical acceptability in standard Malay. The findings further demonstrate that translational equivalence is more successfully achieved at the semantic and pragmatic levels than at the grammatical level. Overall, this study highlights that Qur’anic translation requires an approach that prioritises the transfer of meaning and rhetorical force rather than mere replication of linguistic form. The implications of this study highlight the importance of integrating Arabic linguistic and rhetorical analysis into the translation of

religious texts and contribute to a more in-depth understanding of translation equivalence between Arabic and Malay in preserving the emphatic force of the revealed message.

Keywords: *al-Tawkīd*, *sesungguhnya*, Quran translation, *Ilmu Ma'ānī*, Systemic Functional Linguistics, Equivalence Theory

Article History:

Received: 08/02/2026

Accepted: 25/04/2026

Published: 30/6/2026

PENGENALAN

Kajian-kajian terdahulu dalam bidang penterjemahan al-Quran memperlihatkan kecenderungan dominan yang memberi tumpuan kepada aspek semantik umum, prosedur penterjemahan literal dan interpretatif, serta permasalahan terminologi. Walaupun pendekatan ini telah memberikan sumbangan penting dalam memahami strategi pemindahan makna teks suci, analisis terhadap sistem retorik Arab yang lebih mikro seperti *al-Tawkīd* masih kurang diberikan perhatian secara khusus dan sistematik. Dalam banyak kajian, unsur penegasan ini hanya disentuh secara umum sebagai sebahagian daripada gaya bahasa, tanpa analisis mendalam terhadap fungsi retorik, struktur, serta implikasi pragmatik dalam proses penterjemahan.

Dalam kerangka *Translation Studies*, Nida (2004) telah meletakkan asas penting melalui konsep *dynamic equivalence* yang menekankan pemindahan makna berdasarkan fungsi dan kesan terhadap penerima. Pendekatan ini kemudiannya diperluaskan oleh Baker (2018) yang menegaskan bahawa kesepadanan terjemahan perlu difahami sebagai fenomena multidimensi yang merangkumi aspek leksikal, tekstual, gramatikal dan pragmatik. Namun begitu, kedua-dua kerangka ini tidak menghuraikan secara khusus bagaimana mekanisme retorik dalam teks agama, khususnya *al-Tawkīd*, direalisasikan dalam bahasa sasaran. Hal ini menunjukkan wujud jurang dalam kajian kesepadanan yang melibatkan unsur mikro-retorik.

Dalam konteks penterjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, Hussin dan Kamal (2021) menunjukkan bahawa tradisi terjemahan al-Quran di Alam Melayu lebih cenderung kepada pendekatan interpretatif berbanding literal. Perkembangan ini bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor sejarah dan budaya, tetapi juga oleh evolusi sistem bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian tersebut masih bersifat deskriptif dan belum memanfaatkan pendekatan berasaskan korpus secara sistematik bagi menilai pola kesepadanan secara empirikal. Justeru, analisis terhadap aspek retorik seperti *al-Tawkīd* masih belum diterokai secara data-driven dalam konteks kesepadanan terjemahan bahasa Melayu.

Selain itu, kajian dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu turut menyoroti cabaran yang timbul akibat perbezaan struktur linguistik antara kedua-dua bahasa. Ariffin dan Mansor (2022) menegaskan bahawa teks al-Quran mengandungi pelbagai unsur gaya bahasa yang kompleks seperti metafora, *ellipsis* dan variasi retorik yang sukar dipindahkan secara langsung ke dalam bahasa sasaran. Keadaan ini menyebabkan penterjemah sering bergantung kepada strategi penyesuaian makna yang boleh memberi implikasi terhadap tahap kesepadanan, khususnya dalam aspek ketepatan fungsi retorik teks sumber. Dalam konteks ini, *al-Tawkīd* berpotensi mengalami penyederhanaan bentuk dalam proses pemindahan makna ke bahasa Melayu.

Dari sudut linguistik fungsional, Halliday dan Matthiessen (2014) menegaskan bahawa bahasa beroperasi melalui tiga metafungsi utama, iaitu ideational, interpersonal dan tekstual. Dalam kerangka ini, unsur penegasan seperti “*sesungguhnya*” dalam bahasa Melayu boleh ditafsirkan sebagai realisasi metafungsi interpersonal yang menzahirkan tahap kepastian dan komitmen terhadap proposisi. Namun demikian, kajian yang menghubungkan *Systemic Functional Linguistics* (SFL) dengan analisis kesepadanan *al-Tawkīd* dalam teks al-Quran masih sangat terhad, khususnya dalam konteks pendekatan berasaskan korpus.

Sehubungan itu, kajian-kajian terkini dalam bidang semantik dan terjemahan istilah Islam turut menegaskan kepentingan ketepatan kesepadanan dalam mengekalkan makna teks agama (Yaakub, 2024). Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang ketara dalam kajian mikro-linguistik yang meneliti secara khusus bagaimana unsur *al-Tawkīd* direalisasikan dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu, terutamanya dengan menggunakan pendekatan korpus yang sistematik dan empirikal.

Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan pendekatan berasaskan korpus (*Corpus-Based Translation Studies*), *Ilmu Ma‘ānī*, *Systemic Functional Linguistics* (SFL), dan teori kesepadanan Baker. Integrasi ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap realisasi *al-Tawkīd* dalam Juzuk 30 al-Quran serta pemetaannya ke dalam bahasa Melayu, khususnya melalui leksikal “*sesungguhnya*”. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan signifikan dalam memperkaya pemahaman tentang mekanisme kesepadanan, fungsi retorik, dan strategi penterjemahan dalam teks al-Quran.

TINJAUAN LITERATUR

Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat agung yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan, peringatan dan sumber rujukan utama kepada umat manusia (*al-Ankabūt*, 29:50-51). Diturunkan dalam bahasa Arab (*Yūsuf*, 12:2), al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian wahyu, tetapi juga sebagai manifestasi sistem linguistik yang mencapai tahap keunggulan dari segi kepadatan makna, keindahan retorik dan kompleksiti struktur bahasa. Keunikan ini menjadikan al-Quran sebagai teks multidimensi yang menggabungkan dimensi semantik, pragmatik dan retorik secara berlapis (Mir, 2000; Abdul-Raof, 2006). Dalam sistem ini, salah satu unsur retorik yang dominan ialah *al-Tawkīd*, iaitu mekanisme penegasan yang berfungsi untuk mengukuhkan proposisi serta menolak keraguan. Dalam kerangka *Ilmu Ma‘ānī*, *al-Tawkīd* dikaitkan dengan prinsip *muqtaḍā al-hāl*, iaitu kesesuaian antara bentuk linguistik dan konteks komunikasi (al-Jurjānī, 2004; al-Sakkākī, 1987), sekali gus menunjukkan bahawa penegasan dalam al-Quran bukan sekadar elemen tatabahasa, tetapi strategi wacana yang berfungsi mengawal interpretasi makna dan memperkukuh autoriti ujaran.

Dalam kerangka *Systemic Functional Linguistics* (SFL), bahasa berfungsi melalui tiga metafungsi utama, iaitu ideational, interpersonal dan textual (Halliday, 1978, 1994; Halliday & Matthiessen, 2014). Dalam metafungsi interpersonal, *al-Tawkīd* boleh ditafsirkan sebagai realisasi modaliti kepastian tinggi (*high certainty modality*) yang menzahirkan tahap komitmen penutur terhadap proposisi. Walau bagaimanapun, kajian SFL terhadap al-Quran masih bersifat terpisah dan belum diintegrasikan secara sistematik dengan analisis retorik Arab dalam konteks penterjemahan (Alamiri, 2022; Budiman et al., 2025; Mohd Nathir, 2021). Keadaan ini selari

dengan permasalahan kajian yang menekankan kekurangan analisis mikro terhadap realisasi *al-Tawkkīd* dalam penterjemahan bahasa Melayu.

Dalam bidang penterjemahan al-Quran, kajian lepas menunjukkan bahawa proses terjemahan bersifat interpretatif kerana dipengaruhi oleh dimensi semantik, pragmatik dan tafsiran (Abdul-Raof, 2001; Esack, 1997; Nida, 2004). Baker (2018) pula menegaskan bahawa kesepadanan merupakan fenomena multidimensi yang merangkumi tahap leksikal, gramatikal, tekstual dan pragmatik. Namun demikian, kerangka ini tidak menghuraikan secara khusus bagaimana mekanisme retorik mikro seperti *al-Tawkkīd* direalisasikan dalam proses kesepadanan. Ini selari dengan permasalahan kajian yang menunjukkan bahawa pelbagai bentuk *al-Tawkkīd* dalam bahasa Arab sering dipetakan kepada satu bentuk dominan dalam bahasa Melayu, iaitu “*sesungguhnya*”, tanpa analisis sistematik terhadap implikasi retoriknya.

Kajian dalam penterjemahan Arab-Melayu menunjukkan bahawa perbezaan struktur linguistik antara kedua-dua bahasa memberi kesan terhadap pemindahan unsur retorik (Hatim & Mason, 1997; Newmark, 1988). Unsur seperti penegasan, pengulangan dan *ellipsis* sering mengalami penyesuaian dalam bahasa sasaran akibat perbezaan sistem morfologi dan sintaksis (Hassan, 2013; Abdul Ghani, 2019). Dalam banyak keadaan, strategi seperti *explicitation* dan *pragmatic restructuring* digunakan bagi menyesuaikan struktur bahasa sumber dengan bahasa sasaran (Hatim & Mason, 1997; Nida, 2004; Venuti, 2013). Walau bagaimanapun, strategi ini boleh menyebabkan penyederhanaan fungsi retorik, khususnya dalam pemindahan unsur penegasan (Abdul-Raof, 2001; Abdul-Raof, 2006). Hal ini menyokong permasalahan kajian bahawa kesepadanan *al-Tawkkīd* dalam bahasa Melayu masih belum dihuraikan secara mikro-retorik.

Dalam kajian terkini, aspek pemindahan makna dalam penterjemahan al-Quran turut dibincangkan daripada sudut keseimbangan antara ketepatan makna dan kebolehfahaman dalam bahasa sasaran (Elewa, 2021), serta keperluan kepekaan terhadap dimensi pragmatik dan stilistik dalam pemindahan retorik teks suci (Abdul-Raof, 2006). Abdul-Raof (2001) juga menegaskan bahawa penterjemahan teks keagamaan menuntut pertimbangan yang teliti terhadap lapisan makna yang bersifat semantik dan pragmatik. Dalam perkembangan terkini, Abdelkarim et al. (2025) turut menunjukkan bahawa penilaian makna dalam penterjemahan al-Quran melibatkan keseimbangan antara ketepatan dan pengekal nilai ekspresif teks sumber pada pelbagai peringkat linguistik. Namun, perbincangan tersebut masih belum menghuraikan secara khusus bagaimana unsur retorik mikro seperti *al-Tawkkīd* berfungsi sebagai mekanisme kesepadanan dalam sistem terjemahan al-Quran bahasa Melayu.

Dari sudut metodologi, *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) (Baker, 1993, 1995; Laviosa, 2002; Olohan, 2004; McEnery & Hardie, 2012) menyediakan pendekatan empirikal untuk menganalisis pola terjemahan berdasarkan data autentik. Pendekatan ini membolehkan pemerhatian terhadap regulariti linguistik secara sistematik (Zanettin, 2012). Dalam konteks al-Quran, kajian korpus telah digunakan untuk analisis morfosintaksis dan semantik (Alasmari et al., 2017; Habash, 2010; Mohammed & Alqadi, 2025), namun integrasi CBTS dengan analisis retorik mikro seperti *al-Tawkkīd* masih sangat terhad. Hal ini secara langsung menyokong permasalahan kajian bahawa pendekatan empirikal terhadap *al-Tawkkīd* dalam terjemahan Melayu masih belum dimanfaatkan secara optimum.

Dalam konteks bahasa Melayu, kajian menunjukkan bahawa terjemahan al-Quran banyak dipengaruhi oleh pendekatan interpretatif serta perkembangan sejarah bahasa Melayu

Islam (Abdullah & Rahman, 2016; Hussin & Kamal, 2021). Strategi *explicitation* sering digunakan, namun boleh mengubah struktur retorik asal (Mansor, 2021). Selain itu, unsur penegasan dalam terjemahan Arab-Melayu sering mengalami pengurangan fungsi (Ariffin & Mansor, 2022), manakala dalam bahasa Melayu sendiri, penegasan direalisasikan melalui pelbagai partikel pragmatik seperti “lah” (Ismail & Sarudin, 2022; Ismail et al., 2022). Perbezaan ini menunjukkan wujud jurang sistem penandaan kepastian antara bahasa Arab dan bahasa Melayu, yang menjadi inti kepada permasalahan kajian ini.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa walaupun *Ilmu Ma‘ānī*, SFL, teori kesepadanan (Baker, 2018) dan CBTS telah digunakan secara meluas, pendekatan tersebut masih bersifat terpisah dan belum diintegrasikan secara sistematik dalam kajian penterjemahan al-Quran. Selain itu, kajian mikro-linguistik terhadap *al-Tawkīd* sebagai mekanisme kesepadanan retorik dalam terjemahan bahasa Melayu masih sangat terhad. Oleh itu, terdapat keperluan untuk satu pendekatan bersepadu yang menggabungkan *Ilmu Ma‘ānī*, SFL dan CBTS bagi menjelaskan secara empirikal bagaimana *al-Tawkīd* direalisasikan dan dipetakan dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu, khususnya melalui dominasi leksikal “*sesungguhnya*” sebagai strategi kesepadanan retorik.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS), iaitu satu pendekatan empirikal secara kualitatif, dibantu oleh data kuantitatif bagi meneliti pola terjemahan berdasarkan data autentik (Baker, 1993; Olohan, 2004; McEnery & Hardie, 2012). Pendekatan ini membolehkan pemerhatian terhadap regulariti linguistik dan penterjemahan secara sistematik melalui penggunaan korpus dwibahasa. Dalam konteks ini, kajian memfokuskan kepada analisis unsur retorik *al-Tawkīd* dalam teks al-Quran serta realisasinya dalam terjemahan bahasa Melayu.

Korpus Kajian

Korpus kajian ini dikenali sebagai *Quran Arabic-Quran Malay* (QAQM), yang terdiri daripada teks sumber (bahasa Arab) dan teks sasaran (bahasa Melayu). Kajian ini menggunakan sumber data berasaskan korpus digital yang sah dan boleh dipercayai. Kedua-dua teks diperoleh daripada pangkalan data digital *Tanzil.net*, yang menyediakan teks al-Quran dalam format *Unicode* berasaskan *Rasm ‘Uthmānī* serta terjemahan bahasa Melayu *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an* yang merupakan teks rasmi terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang juga diperoleh dari pangkalan data yang sama (Tanzil Project, n.d.). Analisis korpus dijalankan dengan bantuan perisian *Sketch Engine* yang membolehkan pengekstrakan konkordan, kolokasi dan pola leksikal secara sistematik (Kilgarriff et al., 2014). Setiap ayat dalam teks sumber disepadankan secara sistematik dengan ayat padanan dalam teks sasaran bagi membolehkan pemerhatian langsung terhadap bentuk, fungsi, dan konteks semantik unsur *al-Tawkīd* serta variasi padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu, sejajar dengan pendekatan CBTS.

Proses penyelarasan dan anotasi data dilakukan secara manual bagi memastikan ketepatan linguistik dan kesahihan analisis. Setiap ayat yang mengandungi unsur *al-Tawkīd*

dikenal pasti dan dikodkan mengikut kategori partikel *al-Tawkīd*, jenis-jenis khabar (*adrub al-khabar*), iaitu kategori *khabar ṭalabī* dan *khabar inkārī*, serta strategi terjemahan yang diaplikasikan dalam teks sasaran. Kaedah ini membolehkan analisis terhadap hubungan antara bentuk linguistik Arab dan padanan retorik dalam bahasa Melayu, sejajar dengan prinsip kajian penterjemahan berasaskan korpus. Berikut ialah rajah 1 dan 2 yang memaparkan maklumat korpus kajian.

Rajah 1: Maklumat Korpus *Quran Arabic*

Counts		General info		Lexicon sizes		Tags legend	
Tokens	131,467	Language	Arabic	word	10,885	noun	(DT)?NN.*
Words	106,523	Encoding	UTF-8	tag	31	verb	VB.*
Sentences	1	Compiled	05/04/2018 04:12:34			adjective	(DT)?JJ.*
Documents	1	Tagset	Description			adverb	W?RB
		Word sketch grammar	Definition				

Rajah 2: Maklumat korpus *Quran Malay*

Counts		General info		Lexicon sizes	
Tokens	274,928	Language	Malay	word	8,582
Words	196,060	Encoding	UTF-8	lc ?	7,679
Sentences	8,485	Compiled	05/04/2018 04:53:22		
Documents	1				

Korpus dwibahasa ini terdiri daripada dua sub-korpus utama, iaitu teks sumber al-Quran, iaitu dalam bahasa Arab dan teks sasaran terjemahannya dalam bahasa Melayu daripada terjemahan al-Quran bahasa Melayu *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Korpus ini mengandungi sejumlah 131,467 token dan 106,523 perkataan yang diperoleh daripada teks al-Quran. Korpus ini disusun dalam format UTF-8 bagi memastikan keseragaman aksara Arab semasa proses analisis linguistik. Korpus ini juga telah dikompilasi menggunakan sistem *tagset* dan *word sketch grammar* yang khusus untuk bahasa Arab. Komponen ini penting bagi membolehkan analisis automatik terhadap kategori kata seperti kata nama (*noun*), kata kerja (*verb*), kata adjektif (*adjective*) dan kata keterangan (*adverb*). Dengan struktur leksikon sebanyak 10,885 entri dan 31 tag morfosintaktik, korpus ini memenuhi keperluan kajian bagi mengenal pasti pola tatabahasa dan semantik yang berkaitan dengan unsur *al-Tawkīd* dalam teks sumber. Seterusnya, berikut ialah jadual 1 yang memaparkan saiz sub-korpus *al-Tawkīd* Juzuk 30.

Jadual 1: Saiz Sub-Korpus *al-Tawkīd* Juzuk 30

Jumlah Perkataan (token)

Sub-korpus <i>Tawkīd</i>	Al-Quran Juzuk 30	Terjemahan B. Melayu al- Quran Juzuk 30
Juzuk 30	2,503	7,502
Jumlah		10,005

Jadual 1 menunjukkan saiz sub-korpus *al-Tawkīd* Juzuk 30 yang dibina khusus sebagai sebahagian daripada korpus QAQM. Sub-korpus ini terdiri daripada 34 surah Makkiyyah, bermula dari Surah *al-Naba'* (78) hingga Surah *al-Nās* (114), yang secara keseluruhannya memperlihatkan keutuhan gaya bahasa *al-Tawkīd* dalam menyampaikan mesej akidah, amaran, serta janji ganjaran dan balasan. Tiga surah yang dikategorikan sebagai Madaniyyah, iaitu Surah *al-Bayyinah* (98), *al-Zalzalah* (99) dan *al-Naṣr* (110) telah dikecualikan daripada pembinaan sub-korpus ini bagi memastikan keseragaman konteks retorik Makkiyyah, yang secara umumnya lebih menonjol dalam menegaskan aspek keimanan, keesaan Allah SWT (tauhid), dan seruan dakwah kepada masyarakat Arab terdahulu.

Dari segi saiz, teks Arab, al-Quran bagi Juzuk 30 mengandungi 2,503 token, manakala versi terjemahan al-Quran bahasa Melayu mencatatkan 7,502 token, menjadikan jumlah keseluruhan 10,005 token. Perbezaan ini menunjukkan perbezaan struktur linguistik dan morfologi antara kedua-dua bahasa. Bahasa Arab bersifat padat dan sintetik, di mana satu perkataan sering mengandungi makna gramatikal yang kompleks, manakala bahasa Melayu bersifat analitik, yang memerlukan perincian tambahan untuk menyampaikan maksud tersirat dalam struktur bahasa Arab.

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan menggunakan perisian korpus *Sketch Engine*, melalui prosedur berikut:

1. Pengenalpastian (*Identification*): Semua kemunculan unsur *al-Tawkīd* dalam teks Arab dikenal pasti menggunakan fungsi carian korpus (*concordance search*).
2. Pengekstrakan (*Extraction*): Setiap ayat yang mengandungi unsur *al-Tawkīd* diekstrak bersama padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu.
3. Penyelarasan (*Alignment*): Data disejajarkan antara teks sumber dan teks sasaran untuk memastikan ketepatan padanan pada peringkat ayat.
4. Pengkodan (*Coding*): Data dikodkan berdasarkan jenis *al-Tawkīd*, dan bentuk padanan terjemahannya.

Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dilakukan berasaskan pendekatan kualitatif yang disokong oleh data korpus. Unit analisis kajian melibatkan unsur-unsur *al-Tawkīd* dalam bahasa Arab, yang merangkumi partikel *inna*, *lan*, *innamā*, *lām al-ibtidā'*, *qad*, *nūn al-tawkīd* dan lain-lain. Setiap kemunculan unsur ini dalam teks sumber dikenal pasti dan dipetakan kepada padanan dalam teks sasaran. Fokus utama diberikan kepada realisasi leksikal "*sesungguhnya*" yang berfungsi sebagai penanda penegasan dalam bahasa Melayu. Setelah itu, proses penganalisan data berikutnya akan dilakukan berdasarkan kerangka teori kajian.

Kerangka Teori

Analisis dijalankan berdasarkan integrasi tiga kerangka utama:

(1) *Ilmu Ma'ānī*

Dalam kajian ini, *Ilmu Ma'ānī* digunakan untuk mengenal pasti, dan menghuraikan fungsi unsur *al-Tawkid* berdasarkan prinsip *muqtaḍā al-ḥāl*, iaitu kesesuaian penggunaan bentuk penegasan dengan konteks komunikasi (Abbās, 2008; al-Jurjānī, 2004; al-Sakkākī, 1987). Unsur *al-Tawkid* (*adawāt al-tawkid*) seperti partikal *inna*, *lām al-ibtidā'*, *lan*, *innamā*, *qad*, *nūn al-tawkid* dan lain-lain berfungsi sebagai mekanisme retorik untuk meningkatkan darjah kepastian (*taḥqīq*) dan mengukuhkan proposisi, khususnya dalam situasi yang melibatkan keraguan atau penafian.

Dalam kerangka ini, penggunaan *al-Tawkid* berkait rapat dengan konsep *aḍrub al-khabar*, di mana tahap penegasan berbeza mengikut jenis ujaran seperti *khabar ṭalabī* dan *khabar inkārī* (al-Sakkākī, 1987). Oleh itu, analisis memberi tumpuan kepada bagaimana unsur *al-Tawkid* berfungsi sebagai strategi retorik untuk memperkukuh makna dan memastikan mesej disampaikan dengan tahap kepastian yang bersesuaian dengan konteks wacana.

(2) *Systemic Functional Linguistics (SFL)*

Dalam kajian ini, SFL digunakan untuk menganalisis unsur *al-Tawkid* melalui tiga metafungsi bahasa, iaitu interpersonal, tekstual dan ideasional (Halliday & Matthiessen, 2014). Metafungsi interpersonal meneliti modaliti kepastian (*modality of certainty*) sebagai tahap komitmen terhadap kebenaran proposisi, manakala metafungsi tekstual menumpukan kepada peranan tema bertanda (*marked theme*) dalam menonjolkan penegasan. Metafungsi ideasional pula menjelaskan pemeliharaan makna proposisional melalui pemindahan fungsi penegasan daripada teks sumber ke teks sasaran.

(3) *Teori Kesepadanan*

Teori Kesepadanan oleh (Baker, 2018), digunakan untuk menilai tahap kesepadanan pada empat peringkat:

1. leksikal (*lexical equivalence*)
2. gramatikal (*grammatical equivalence*)
3. tekstual (*textual equivalence*)
4. pragmatik (*pragmatic equivalence*)

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan dijamin melalui rujukan kepada pendekatan Merriam dan Tisdell (2016) serta Othman Lebar (2012), dengan penyesuaian kaedah pengesahan pakar (*expert validation*). Seorang pakar dalam bidang balaghah Arab yang mempunyai pengetahuan dalam teori *Systemic Functional Linguistics* (SFL) telah dipilih untuk menilai kesesuaian data dan ketepatan interpretasi analisis.

Pengesahan ini dilaksanakan secara sistematik melalui semakan dapatan serta penilaian terhadap ketepatan kategori analisis. Pendekatan ini memadai dalam penyelidikan kualitatif kerana penekanan diberikan kepada ketekalan dan ketelusan proses pentafsiran, bukan bilangan pakar semata-mata.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini mengemukakan hasil analisis terhadap bentuk-bentuk *al-Tawkīd* yang terdapat dalam korpus al-Quran Juzuk 30, disusuli dengan pemerhatian terhadap representasi leksikal *sesungguhnya* dalam terjemahan bahasa Melayu. Seterusnya, dapatan turut merangkumi penilaian tahap kesepadanan dalam penterjemahan tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan (1) bentuk-bentuk *al-Tawkīd* dalam teks al-Quran Juzuk 30, (2) bentuk dan representasi leksikal “*sesungguhnya*” dalam bahasa Melayu.

Bentuk-bentuk *al-Tawkīd* dan Padanan Terjemahan

Berdasarkan hasil analisis sub-korpus Juzuk 30 al-Quran al-Karim menggunakan perisian *Sketch Engine*, kajian ini mengenal pasti pelbagai partikel *al-Tawkīd* (*adawāt al-tawkīd*) yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran Juzuk 30 berserta padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Setiap partikel dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut jenis serta bentuk terjemahan yang diberikan dalam *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Jadual 2 berikut memperincikan senarai frekuensi setiap partikel *al-Tawkīd* bersama padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu mengikut hasil dapatan korpus.

Jadual 2: Senarai Frekuensi Partikel *al-Tawkīd* dan Terjemahannya ke Bahasa Melayu

Bil.	Partikel <i>Tawkīd</i> (‘ <i>Adawāt al-Tawkīd</i>)	Terjemahan Bahasa Melayu	Frekuensi Terjemahan	Frekuensi Setiap Partikel	Peratus (%)
1	<i>Inna</i> (إِنَّ)	Sesungguhnya	49	54	35.29
		Sungguh	1		
		Sebenarnya	3		
		–	1		
2	<i>Qad</i> (قَدْ)	Sesungguhnya	6	6	3.92
3	<i>Lām al-Ibtidā’</i> (لِ)	Sungguh-sungguh	1	32	20.92
		Demi	1		
		Amatlah	1		
		Nescaya	1		
		Sesungguhnya	6		
		Sangat	2		
		Tetap	3		
		Demi sesungguhnya	5		
–	19				
4	<i>Innamā</i> (إِنَّمَا)	Hanyalah	3	3	1.96
5	<i>Takrār al-Nafī</i> (تَكَرَّارِ النَّفْيِ)	...tidak akan	4	6	3.92
		Tidak dapat..., tidak pula	1		
		Tiada pula	2		

		Tidak... tidak pula	2		
6	Lan (لَنْ)	Tidak akan	1	3	1.96
		Tidak sekali-kali akan	1		
		Tidak ada	1		
7	Nūn al-Tawkīd al-Thaqīlah (نُّونُ التَّوَكُّيدِ)	Sesungguhnya, tetap	1	5	2.61
		Demi sesungguhnya	2		
		sesungguhnya	1		
	Nūn al-Tawkīd al-Khafīfah (نُّونُ)	Demi sesungguhnya	1		
8	Sīn (سِنَّ) / Sawfa (سَوْفَ)	Akan	15	15	9.80
9	Ḥarf al-Tanbīh (أَلَا)	Tidakkah	1	1	0.65
10	Ḍamīr al-Faṣl (هُوَ / هِيَ / هُمُ)	(Dia) lah	2	4	2.61
		(Syurga) lah / (Neraka Jahanam) lah	2		
11	al-Qasam (الْقَسَمُ) 'Adāt al-Qasam huruf wāw (و)	Demi	11	18	11.76
		Dan	4		
		Serta	1		
	'Adāt al-Qasam huruf bā' (بِ)	Dengan	2		
12	Ḥurūf al-Zā'idah (الحروف الزائدة)	Sebenarnya	2	7	4.58
		Se(adil-adil)	1		
		–	4		
Jumlah Keseluruhan			154		100.00

Jadual 2 menunjukkan bahawa sebanyak 154 partikel *tawkīd* (*adawāt al-tawkīd*) telah dikenal pasti dalam Juzuk 30 al-Quran al-Karim. Dapatan ini memperlihatkan kepelbagaian bentuk gaya bahasa *al-Tawkīd* yang digunakan untuk mengukuhkan dan menegaskan makna dalam *kalam khabarī*. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa partikel *inna*, *lām al-ibtidā'*, dan *al-qasam* merupakan tiga bentuk pengukuhan dan penegasan yang paling dominan, dengan jumlah keseluruhan melebihi dua pertiga daripada keseluruhan data. Ketiga-tiga partikel ini memainkan peranan penting dalam membentuk struktur makna yang tegas serta menyampaikan mesej dengan tahap kepastian yang tinggi tanpa keraguan.

Partikel *inna* muncul sebanyak 54 kali (35.29%), menjadikannya bentuk *al-tawkīd* yang paling kerap digunakan dalam korpus kajian. Dalam terjemahan bahasa Melayu, *inna* dipadankan terutamanya dengan leksikal “*sesungguhnya*” (49 kali), diikuti oleh “*sebenarnya*” (3 kali), serta satu kes pengguguran. Menurut al-Zamakhsharī (2009), *inna* berfungsi sebagai penanda *taḥqīq al-khabar* yang menegaskan kepastian makna bagi menghilangkan keraguan pendengar. Oleh itu, padanan “*sesungguhnya*” dapat dianggap setara

secara semantik; namun, dari perspektif kesepadanan, Baker (2018) menegaskan bahawa kesepadanan leksikal tidak semestinya menjamin pemindahan kesan pragmatik yang setara dalam bahasa sasaran.

Partikel *lām al-ibtidā'* pula direkodkan sebanyak 32 kali (20.92%). Unsur ini berfungsi sebagai pengukuhan dan penegasan pada permulaan ayat, menandakan bahawa pernyataan yang disampaikan mempunyai kepentingan tinggi dan memerlukan perhatian khusus (Ibn Hishām, 2004). Dalam terjemahan bahasa Melayu, *lām al-ibtidā'* dipadankan dengan pelbagai bentuk leksikal seperti “*sesungguhnya*”, “*demi sesungguhnya*”, “*tetap*”, “*benar-benar*”, “*amatlah*”, “*sangat*”, “*demi*”, dan “*nescaya*”. Walau bagaimanapun, sebanyak 19 daripada 32 kejadian tidak diterjemahkan secara eksplisit, menunjukkan kecenderungan penterjemahan yang mengutamakan kelancaran bahasa sasaran. Situasi ini berpotensi mengurangkan kesan penegasan (*ta'kid ma'nawī*) yang ditekankan dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī* (al-Sakkākī, 1987).

Seterusnya, partikel *al-qasam* direkodkan sebanyak 18 kali (11.76%), melibatkan penggunaan huruf sumpah seperti *wāw* (و) dan *bā'* (ب). Dalam terjemahan bahasa Melayu, padanan utama ialah “*demi*” (11 kali), diikuti oleh “*dan*” (4 kali), “*serta*” (1 kali), dan “*dengan*” (2 kali). Menurut al-Jurjānī (2006), *al-qasam* berfungsi sebagai strategi retorik (*uslūb balāghī*) untuk memperkukuh makna khabar, khususnya dalam situasi yang melibatkan potensi keraguan. Oleh itu, padanan leksikal “*demi*” dilihat paling hampir mengekalkan fungsi asal, manakala penggunaan “*dan*” atau “*serta*” menunjukkan penyesuaian kontekstual bagi mengekalkan kefahaman pembaca sasaran (Baker, 2018).

Partikel *sīn* dan *sawfa* pula direkodkan sebanyak 15 kali (9.80%) dan diterjemahkan secara konsisten sebagai “*akan*”. Kedua-dua partikel ini diklasifikasikan sebagai *hurūf al-istiqbāl* yang menandakan masa hadapan dengan unsur kepastian, di mana *sīn* merujuk kepada masa dekat, manakala *sawfa* merujuk kepada masa yang lebih jauh (Ibn Ya'īsh, 2001). Dalam *Ilmu Ma'ānī*, penggunaannya berkait dengan konsep *al-wa'd wa al-wa'id*, iaitu janji ganjaran atau ancaman yang pasti berlaku. Walaupun padanan “*akan*” berjaya mengekalkan dimensi temporal, ia kurang menyampaikan kekuatan penegasan yang terkandung dalam bentuk bahasa Arab.

Partikel *innamā* pula muncul sebanyak 3 kali (1.96%) dan diterjemahkan sebagai “*hanyalah*”. Dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī*, *innamā* berfungsi sebagai alat *qaṣr*, iaitu pembatasan makna kepada satu aspek tertentu (al-Sakkākī, 1987). Padanan “*hanyalah*” dilihat sesuai kerana mengekalkan fungsi eksklusif tersebut. Selain itu, unsur seperti *takrār al-naft* (6 kali, 3.92%) dan *lan* (3 kali, 1.96%) menunjukkan penegasan dalam bentuk negatif, diterjemahkan melalui frasa seperti “*tidak akan*” dan “*tidak sekali-kali akan*”.

Partikel lain seperti *damīr al-faṣl* (4 kali, 2.61%) berfungsi menegaskan hubungan antara subjek dan predikat, dengan padanan seperti “*Dialah*” dan “*Syurgalah*”. Sementara itu, *ḥarf al-tanbīh* (أ) muncul sekali (0.65%) dengan padanan “*tidakkah*”, manakala *hurūf al-zā'idah* direkodkan sebanyak 7 kali (4.58%), yang berfungsi menambah kekuatan makna walaupun tidak mempunyai fungsi sintaktik utama (Ibn Hishām, 2004).

Representasi Leksikal “*Sesungguhnya*” sebagai Padanan Makna Unsur *al-Tawkīd*

Berdasarkan Jadual 2, analisis memperlihatkan bahawa leksikal “*sesungguhnya*” merupakan bentuk padanan paling dominan dalam menterjemahkan unsur *al-Tawkīd* dalam Juzuk 30, dengan jumlah keseluruhan 62 kejadian merentasi empat jenis unsur penegasan. Dominasi ini jelas tertumpu pada partikel *inna*, iaitu sebanyak 49 daripada 54 kejadian, yang menunjukkan kecenderungan konsisten penterjemah untuk memilih padanan leksikal yang bersifat langsung dan eksplisit dalam menyampaikan fungsi penegasan daripada teks sumber.

Di samping itu, leksikal “*sesungguhnya*” turut berfungsi sebagai padanan bagi partikel lain seperti *qad* (6 kejadian) dan *lām al-ibtidā’* (6 kejadian), termasuk variasi padanan lain seperti “*sungguh-sungguh*” (1 kejadian) dan “*demi sesungguhnya*” (5 kejadian). Diikuti *nūn al-tawkīd* (5 kejadian) dengan pecahan kepada *nūn al-tawkīd al-thaqīlah* dipadankan dengan leksikal “*sesungguhnya*” (2 kejadian), “*demi sesungguhnya*” (2 kejadian), dan *nūn al-tawkīd al-khafīfah demi sesungguhnya* (2 kejadian).

Pola ini mengindikasikan bahawa satu bentuk leksikal dalam bahasa Melayu berfungsi sebagai penanda umum (*generalized marker*) bagi pelbagai jenis *adawāt al-tawkīd*, sekali gus menunjukkan fenomena penyamarataan fungsi (*functional leveling*) dalam terjemahan (Baker, 2018; Dickins et al. (2017).

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penggunaan leksikal “*sesungguhnya*” sebagai padanan dominan bagi unsur *al-Tawkīd* dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu merupakan strategi linguistik yang signifikan dari sudut semantik, pragmatik dan retorik. Secara lebih khusus, berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, “*sesungguhnya*” membawa maksud “*bahawasanya, sebenarnya, sebetulnya; memang (begitu)*”, yang jelas menandakan unsur kepastian dan penegasan (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Dalam konteks ini, Asmah Haji Omar (2015) menjelaskan bahawa adverba berfungsi menzahirkan sikap dan pendirian penutur terhadap proposisi. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, “*sesungguhnya*” beroperasi sebagai adverba penegasan pada peringkat wacana yang menunjukkan tahap komitmen penutur serta memperkukuh makna ujaran.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penterjemahan unsur *al-Tawkīd* dalam al-Quran tidak berlaku melalui pemindahan bentuk secara langsung, sebaliknya melalui pemetaan makna yang bersifat selektif dan berorientasikan fungsi. Dominasi penggunaan “*sesungguhnya*” sebagai padanan utama merentasi empat unsur *al-Tawkīd*, iaitu *inna*, *qad*, *lām al-ibtidā’*, serta *nūn al-tawkīd* (*nūn al-thaqīlah* dan *nūn al-khafīfah*), menunjukkan kecenderungan penggunaan satu bentuk leksikal sebagai penanda umum (*generalized marker*). Fenomena ini secara jelas sejajar dengan konsep *functional leveling* dalam kajian terjemahan, iaitu penyamarataan kepelbagaian bentuk retorik bahasa sumber kepada bentuk yang lebih stabil dalam bahasa sasaran (Baker, 2018; Dickins et al., 2017). Walau bagaimanapun, berbeza dengan tafsiran tradisional yang menganggap penyederhanaan sebagai kehilangan makna (*loss*), dapatan ini menunjukkan bahawa penyamarataan tersebut juga berfungsi sebagai strategi penstabilan makna dalam sistem bahasa Melayu yang mempunyai sumber morfologi penegasan yang lebih terhad.

Dari sudut tatabahasa Melayu, leksikal “*sesungguhnya*” diklasifikasikan sebagai kata penegas atau penanda modaliti kepastian yang berfungsi menegaskan kebenaran sesuatu pernyataan dalam ayat deklaratif (Nik Safiah Karim et al., 2013). Hal ini selaras dengan fungsi epistemik yang menandakan tahap komitmen penutur terhadap proposisi. Di samping itu, bentuk leksikal “*sungguh-sungguh*” merupakan kata ganda penuh yang berasal daripada kata dasar “*sungguh*” yang berfungsi sebagai kata penguat darjah bagi menandakan intensiti atau kesungguhan makna (Asmah Haji Omar, 2015). Namun demikian, dapatan turut memperlihatkan penggunaan frasa “*demi sesungguhnya*”, yang dari sudut analisis linguistik merupakan gabungan dua elemen penegasan yang berbeza fungsi, iaitu “*demi*” sebagai penanda sumpah (*al-qasam*) dan “*sesungguhnya*” sebagai penanda modaliti kepastian. Dalam analisis linguistik Melayu, “*demi*” dikategorikan sebagai kata sendi nama yang membentuk struktur sumpah seperti “*demi Allah*” atau “*demi masa*”, manakala “*sesungguhnya*” berfungsi dalam klausa sebagai penegas pernyataan (Nik Safiah Karim et al., 2013).

Berdasarkan analisis lanjut, *Ilmu Ma‘ānī* dan pendekatan SFL menunjukkan bahawa gabungan dua unsur *al-Tawkīd* yang diterjemahkan sebagai “*demi sesungguhnya*” menimbulkan implikasi pertindihan fungsi kerana kedua-duanya merealisasikan penegasan melalui mekanisme yang berbeza. Leksikal “*demi*” yang menandakan struktur sumpah beroperasi pada tahap interpersonal dengan memperkukuh autoriti dan kesungguhan ujaran, manakala “*sesungguhnya*” berfungsi sebagai penanda modaliti kepastian (*epistemic modality marker*) dalam klausa, yang setara dengan fungsi partikel *inna* dalam bahasa Arab (Halliday & Matthiessen, 2014; Abbās, 2008). Dalam konteks ini, kedua-dua unsur tersebut menyumbang kepada intensifikasi makna melalui saluran metafungsi yang berbeza.

Tambahan pula, kehadiran gabungan dua atau lebih unsur *al-Tawkīd* dalam satu klausa dapat ditafsirkan sebagai mekanisme pengukuhan fungsi (*functional reinforcement*), iaitu strategi untuk mengekalkan kekuatan retorik dan tahap keyakinan proposisi dalam teks terjemahan. Fenomena ini amat signifikan dalam konteks *ad-rub al-khabar* kategori *inkārī*, di mana partikel seperti *inna* dan *lām al-ibtidā’* digunakan untuk menegaskan proposisi terhadap khalayak yang bersifat ragu atau menolak (Abbās, 2008). Namun begitu, dari sudut sistem linguistik Melayu, penggabungan seperti “*demi sesungguhnya*” tidak sepenuhnya sejajar dengan pola sintaksis lazim, kerana bahasa Melayu umumnya tidak menuntut kehadiran dua penanda pengukuhan berturutan tanpa pembezaan fungsi sintaktik yang jelas (Asmah Haji Omar, 2015; Nik Safiah Karim et al., 2013). Justeru, penggunaannya lebih tepat difahami sebagai strategi stilistika berorientasikan teks sumber (*source-oriented strategy*), yang bertujuan mengekalkan intensiti retorik bahasa Arab, khususnya dalam wacana al-Quran (Baker, 2018; Abdul-Raof, 2001).

Lebih lanjut, dari perspektif *Ilmu Ma‘ānī*, dapatan ini konsisten dengan huraian bahawa *al-Tawkīd* berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan makna dan peningkat tahap kepastian dalam ujaran (Abbās, 2008; al-Hāshimī, 2008) sebagaimana dapat diperhatikan dalam ayat “*إِنَّ يَوْمَ “الْفَصْلِ كَانَ مِيقَاتًا”* (*al-Naba’*, 78:17) yang diterjemahkan sebagai “*Sesungguhnya hari pemutusan hukum itu adalah satu masa yang ditentukan*”, serta ayat “*لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ*” (*al-Takāthur*, 102:6) yang diterjemahkan sebagai “*Demi sesungguhnya! Kamu akan melihat Neraka yang marak menjulang*”. Dalam kedua-dua ayat tersebut, fungsi penegasan dan intensifikasi makna berjaya dikekalkan, khususnya dalam konteks *khabar ṭalabī* dan *inkārī* yang memerlukan tahap

penegasan tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pemindahan makna berlaku juga pada tahap fungsi komunikatif, bukan sekadar bentuk linguistik.

Dari sudut SFL pula, dapatan ini dapat dihuraikan melalui metafungsi interpersonal dan tekstual. Penggunaan leksikal “*sesungguhnya*” menjelaskan tahap kepastian yang tinggi (*high modality*), sekali gus menunjukkan komitmen penutur terhadap proposisi (Halliday & Matthiessen, 2014; Eggins, 2004). Pada masa yang sama, kedudukan leksikal ini pada awal ayat berfungsi sebagai tema bertanda (*marked theme*) yang mengawal aliran maklumat dan menonjolkan mesej utama seperti ayat “كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفَجَارِ لَفِي سِجِّينٍ” (*al-Mutaffifin*, 83:7) diterjemahkan sebagai “*Tidak sepatutnya (mereka melakukan perbuatan yang salah itu dan melalaikan hari akhirat)! Sesungguhnya ‘kitab suratan amal’ orang-orang yang berdosa itu (didaftarkan) dalam Sijjiin*”. Hal ini sekaligus memperlihatkan bahawa “*sesungguhnya*” berfungsi menstrukturkan hierarki maklumat serta meningkatkan fokus terhadap proposisi utama.

Sebaliknya, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak semua unsur *al-Tawkīd* direalisasikan secara eksplisit dalam bahasa sasaran. Dalam beberapa keadaan, unsur seperti partikel *lām al-ibtidā’* yang berdamping dengan partikel *inna* digugurkan atau diserap secara implisit sebagai *zero translation*, seperti dalam ayat “إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَصْلٌ” (*al-Tāriq*, 86:13) yang diterjemahkan sebagai “*Sesungguhnya keterangan Al-Quran adalah kata-kata pemutus (yang sebenar)*”. Dalam ayat ini, hanya partikel *inna* diterjemahkan secara eksplisit, manakala *lām al-ibtidā’* direalisasikan secara implisit melalui keseluruhan struktur ayat. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemahan tersebut selaras dengan prinsip kesepadanan fungsional, iaitu tidak semua unsur perlu dipindahkan secara formal, sebaliknya boleh direalisasikan melalui strategi pengagihan makna (Baker, 2018).

Dalam perbandingan dengan kajian lepas, dapatan ini menyokong pandangan Abdul-Raof (2001) dan Hatim dan Mason (1997) bahawa penterjemahan teks keagamaan melibatkan interaksi kompleks antara dimensi linguistik, pragmatik dan retorik. Kajian ini memperluaskan hujah tersebut dengan menunjukkan bahawa pengurangan variasi bentuk retorik tidak semestinya membawa kepada kehilangan fungsi makna secara keseluruhan, sebaliknya melibatkan pengagihan semula fungsi penegasan pada aras leksikal dan wacana. Hal ini turut memperincikan dapatan Abdelkarim et al. (2025) mengenai fenomena *gains and losses*, dengan menunjukkan bahawa kehilangan pada peringkat morfologi boleh diimbangi oleh penambahan eksplisitasi leksikal, khususnya melalui dominasi penggunaan “*sesungguhnya*” dalam bahasa sasaran.

Seterusnya, dari perspektif SFL, leksikal “*sesungguhnya*” berfungsi sebagai penanda modaliti kepastian tinggi (*high epistemic modality*) dalam metafungsi interpersonal (Halliday & Matthiessen, 2014; Eggins, 2004). Dalam konteks penterjemahan al-Quran, modaliti tidak hanya direalisasikan melalui struktur tatabahasa, tetapi juga melalui strategi leksikal yang menggantikan variasi retorik bahasa sumber.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pengguguran unsur seperti *lām al-ibtidā’* merupakan fenomena normalisasi struktur dalam penterjemahan (Olohan, 2004; Zanettin, 2012). Namun, pengguguran ini tidak semestinya melemahkan fungsi makna kerana penegasan masih dapat dipulihkan melalui konteks wacana, selaras dengan kesepadanan fungsional (Baker, 2018; House, 2015).

Selain itu, kewujudan bentuk “*demi sesungguhnya*” memperlihatkan fenomena *functional reinforcement*. Walaupun Newmark (1988) melihatnya sebagai pengulangan atau lebih maklumat yang tidak perlu, dapatan ini menunjukkan sebagai strategi pengekaln intensiti retorik. Namun, dari sudut linguistik Melayu memperlihatkan ketegangan norma sintaksis (Asmah Haji Omar, 2015), sejajar dengan strategi *foreignization* (Venuti, 2013). Dapatan ini turut disokong oleh Ismail dan Sarudin (2022, 2025) serta Abu Hassan Abdul et al. (2020) yang menunjukkan bahawa sistem penegasan Melayu bersifat fleksibel dan terdapat juga yang bergantung pada sumber leksikal serta strategi retorik seperti kiasan dan *mubalaghah*.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesepadanan dalam penterjemahan al-Quran bersifat multidimensi, melibatkan interaksi antara struktur bahasa, fungsi wacana dan keperluan pragmatik. Dominasi penggunaan “*sesungguhnya*” dapat ditafsirkan sebagai hasil penyesuaian sistemik antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam usaha mengekalkan fungsi penegasan secara berkesan dalam konteks komunikasi wahyu. Oleh itu, kesepadanan dalam konteks ini lebih tepat difahami sebagai kesepadanan fungsional berlapis, bukan kesepadanan bentuk semata-mata.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa penterjemahan unsur *al-Tawkīd* dalam al-Quran bukan sekadar pemindahan bentuk linguistik, tetapi merupakan proses pemaknaan semula yang menuntut kepekaan terhadap dimensi semantik, pragmatik dan retorik secara serentak. Empat partikel utama, iaitu *inna*, *qad*, *lām al-ibtidā'* dan *nūn al-tawkīd*, didapati direalisasikan secara dominan melalui leksikal “*sesungguhnya*”, sekali gus memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu menginstitusikan semula mekanisme penegasan Arab melalui sumber leksikal yang stabil dan berfungsi tinggi. Dalam konteks ini, kesepadanan yang dicapai bukanlah bersifat formal atau satu-ke-satu, tetapi berteraskan kesepadanan fungsional yang mengekalkan tahap kepastian, intensiti makna dan autoriti wacana wahyu.

Integrasi teori *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan teori kesepadanan Baker membuktikan bahawa hubungan antara bentuk bahasa dan fungsi makna tidak boleh diteliti secara terpisah. Sebaliknya, ketiga-tiga kerangka ini saling melengkapi dalam menjelaskan bagaimana *al-Tawkīd* beroperasi sebagai peranti retorik yang mengawal interpretasi, membentuk sikap penutur, dan mengarahkan respons pembaca. Dari perspektif ini, penggunaan “*sesungguhnya*” adalah pilihan leksikal yang merupakan strategi wacana yang mengekalkan dimensi interpersonal dan kekuatan epistemik dalam teks sasaran.

Namun demikian, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pemindahan ini tidak berlaku tanpa penyesuaian. Variasi padanan dan pengguguran unsur tertentu menunjukkan keperluan untuk menyeimbangkan antara ketepatan makna dan kebolehbacaan, sekali gus mengesahkan bahawa penterjemahan teks keagamaan sentiasa melibatkan rundingan antara sistem bahasa, konteks budaya dan tujuan komunikasi. Dalam hal ini, kehilangan sebahagian bentuk tidak semestinya membawa kepada kehilangan makna, selagi fungsi retorik dan kesan komunikatif dapat dikekalkan secara implisit.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa kekuatan terjemahan al-Quran terletak pada keupayaannya mengekalkan daya pengaruh wacana, bukan semata-mata

menyalin struktur bahasa. Pendekatan berasaskan korpus yang digabungkan dengan analisis linguistik-retorik Arab telah membuka ruang baharu dalam memahami dinamika kesepadanan secara empirikal dan sistematik. Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan untuk meneroka bentuk *al-Tawkid* lain seperti *innamā*, *sīn*, *sawfa*, *lan* dan *takrār al-naḥī*, bagi memperluas horizon analisis serta membina model penterjemahan yang lebih komprehensif, sensitif terhadap fungsi, dan berdaya menjelaskan kompleksiti makna dalam teks wahyu merentas bahasa.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abbās, F. H. (2008). *Al-Balāghah Funūnuhā Wa'afnānuha*, 'Ilmu Ma'ānī. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Abdelkarim, M. B. A., Alhaj, A. A. M., & Hakami, A. H. (2025). Studying gains and losses at the grammatical, lexical and stylistic levels in three notable Qur'an translations from the context of translation theories. *Journal of Language Teaching and Research*, 16(2), 617–626. <https://doi.org/10.17507/jltr.1602.28>
- Abdul Ghani, A. (2019). *Terjemahan retorik Arab dalam bahasa Melayu: Analisis linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N. S., & Rahman, Z. A. (2016). *Translation of the Qur'an in the Malay world: Historical and linguistic perspectives*. GEMA Online Journal of Language Studies, 16(3), 1–15. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1603-01>
- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an translation: Discourse, texture and exegesis*. Curzon.
- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Abdul-Raof, H. (2018). *Introducing Qur'an translation: New approaches to theory and practice*. Routledge.
- Abu Hassan Abdul, Wahibah Twahir, & Muhammad Hakim Kamal. (2020). *Retorik mubalaghah dalam taukid kiasan bahasa Melayu*. Dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* (24–25 November 2020).
- Alamiri, Z. (2016). SFL-based analysis of thematic structure of the Qur'an (19:41–50): Some reflections. *Buckingham Journal of Language and Linguistics*, 11, 1–15. <https://doi.org/10.5750/bjll.v11i0.1560>
- Alamiri, Z. (2022). Does ellipsis really exist in the Qur'an? An SFL-based perspective. *Australian Journal of Islamic Studies*, 7(2), 1–21.
- Alamiri, Z., & Mickan, P. (2016). Cohesion in Qur'anic text: A systemic functional perspective. *Functional Linguistics*, 3(1), 1–23. <https://doi.org/10.1186/s40554-016-0028-5>
- Alasmari, J., Watson, J. C. E., & Atwell, E. S. (2017). Using the Quranic Arabic corpus for comparative analysis of the Arabic and English verb systems. In *Proceedings of the International Conference on Islamic Applications in Computer Science and Technology (IMAN'2016)* (pp. 1–8). <https://eprints.whiterose.ac.uk/112950/>
- Alhaj, A. A. M., & Hakami, A. H. (2024). *Exploring stylistic problems in translating the style of the Quranic emphasis on the meaning of at-tawkid al-manawi to English*. *Critical Studies in Languages and Literature*, 4(1), 41–56. <https://doi.org/10.5455/CSLL.198951>
- Al-Hāshimī, A. A. (2008). *Jawāhir al-balāghah fī al-ma'ānī wa-al-bayān wa-al-badī'* (M. al-Tunji, Ed. & Annot.). Beirut: Mu'assasat al-'Ārif li-al-Ṭibā'ah wa-al-Nashr.

- Al-Sakkākī, 'A. (1987). *Miftāḥ al-'Ulūm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir. (2006). *Asrār al-Balāghah* (Ed. Tahqīq: Mahmūd Shākir). Beirut: Dār al-Madīnah.
- Al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir. (2004). *Dalā'il al-I'jāz fī al-Qur'ān*. Cairo: Dār al-Madānī.
- Al-Thubaity, A. M. (2017). A quantitative inquiry into the keywords between primary and reference Arabic corpora. *Journal of Quantitative Linguistics*, 25(2), 122–141. <https://doi.org/10.1080/09296174.2017.1359883>
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zamakhsharī, A. Q. M. ibn 'U. (2009). *Al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq at-Tanzīl*. Scientific Research Publishing.
- Ariffin, Z., & Mansor, N. S. (2022). Loss and compensation in Qur'anic rhetorical translation: A Malay perspective. *International Journal of Arabic-English Translation*, 8(1), 33–52.
- Baker, M. (2018). *In other words: A coursebook on translation* (3rd ed.). London: Routledge.
- Baker, M. (1993). Corpus linguistics and translation studies: Implications and applications. Dalam M. Baker, G. Francis, & E. Tognini-Bonelli (Eds.), *Text and technology: In honour of John Sinclair* (pp. 233–250). Amsterdam: John Benjamins.
- Budiman, A., Khristianto, K., & Zahra, P. K. (2025). *Metaphors of modality in the Indonesian translation of the Qur'an*. Conference on English Language Teaching, 121–128. <https://doi.org/10.24090/celti.2025.1351>
- Catford, J. C. (1965). *A linguistic theory of translation: An essay in applied linguistics*. London: Oxford University Press.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (5th ed.). SAGE Publications.
- Dickins, J., Hervey, S., & Higgins, I. (2017). *Thinking Arabic translation: A course in translation method: Arabic to English* (2nd ed.). Routledge.
- Eggs, S. (2004). *An introduction to systemic functional linguistics* (2nd ed.). London: Continuum.
- Elewa, A. (2021). *Translating the Qur'an: Linguistic, stylistic and cultural challenges*. Routledge.
- Esack, F. (1997). *Qur'an, liberation and pluralism: An Islamic perspective of interreligious solidarity against oppression*. Oxford: Oneworld.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. (2014). *Introduction to functional grammar* (4th ed.). London: Routledge.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar* (2nd ed.). Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (1978). *Language as social semiotic: The social interpretation of language and meaning*. Edward Arnold.
- Hassan, A. (2013). *Isu dan cabaran dalam penterjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, R. (2009). *Semantic variation: Meaning in society and in sociolinguistics*. Equinox.
- Hatim, B., & Mason, I. (1997). *The translator as communicator*. Routledge.
- House, J. (2015). *Translation quality assessment: Past and present*. Routledge.
- Habash, N. (2010). *Introduction to Arabic natural language processing*. Morgan & Claypool.
- Hussin, M., & Kamal, M. H. (2021). Translation of al-Quran into Malay language in the Malay world. *International Journal of Islamic Studies and Humanities*, 4(1), 32-50.
- Ibn Hishām. (2004). *Mughni al-Labīb 'an Kutub al-A'arīb*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Ya'īsh, Y. b. 'Īsā. (2001). *Sharḥ al-Mufahḥaḥ fī ḥarī al-Naḥw*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.

- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2025). Representasi fungsian partikel wacana “lah” dalam terjemahan Surah Yasīn berdasarkan pendekatan abduktif. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 99–128.
- Ismail, M. S., Sarudin, A., Mat, A. C., & Nordin, F. N. A. (2022). Keunikan partikel ‘lah’ dalam terjemahan Surah Yasīn di Malaysia [The uniqueness of the particle ‘lah’ in the translation of Surah Yasīn in Malaysia]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 13–27. <https://doi.org/10.33306/mjssh/210>
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2022). *The pragmatic functions of Malay particle “lah” in discourse*. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(2), 120–138. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2202-07>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Kilgarriff, A., Baisa, V., Bušta, J., Jakubíček, M., Kovář, V., Michelfeit, J., & Suchomel, V. (2014). The Sketch Engine: Ten years on. *Lexicography*, 1(1), 7–36.
- Mansor, N. S. (2021). *Explicitation in Malay translation of religious texts: A corpus-based study*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(S2), 145–160.
- Matthiessen, C. M. I. M. (2015). Halliday’s systemic functional linguistics. In B. Heine & H. Narrog (Eds.), *The Oxford handbook of linguistic analysis* (2nd ed., pp. 630–653). Oxford University Press.
- Martin, J. R. (2010). *Semantic variation: Modelling realization, instantiation and individuation in social semiosis*. In M. Bednarek & J. R. Martin (Eds.), *New discourse on language: Functional perspectives on multimodality, identity, and affiliation* (pp. 1–34). Continuum.
- McEnery, T., & Hardie, A. (2012). *Corpus linguistics: Method, theory and practice*. Cambridge University Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohammed, S. M., & Alqadi, N. M. (2025). Corpus-based analysis of three synonyms in Quran translation. *Bani Waleed University Journal of Humanities and Applied Sciences*, 10(3), 158–177.
- Mir, M. (2010). *Understanding the Qur’anic Discourse: A Rhetorical Perspective*. London: Routledge.
- Mir, M. (2000). *Coherence in the Quran: A study of Islahi’s concept of nazm in Tadabbur-i Quran*. Indianapolis: American Trust Publications.
- Mohd Nathir, K. A. (2021). Nazm al-Jurjānī and Halliday’s systemic functional linguistics (SFL) approach in Quranic text study. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 21(1), 1–11. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/292>
- Munday, J. (2016). *Introducing translation studies: Theories and applications*. Routledge.
- Najjar, H. (2020). Modal shifts in Arabic-English translation of sacred texts. *Meta: Journal des traducteurs*, 65(3), 512–530.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. London: Prentice Hall.
- Nida, E. A. (2004). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Brill. (Karya asal diterbitkan 1964)
- Nida, E. A. (2004). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Leiden: Brill.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1982). *The theory and practice of translation* (2nd ed.). Leiden: Brill.



- Nik Murshidah, N. D., Najihah, A. W., & Noor Eliza, A. R. (2018). Long-Life Learning Concept by Imam Al-Shafie (Memahami Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Diwan Al-Shafie). *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 2(2), 83-90.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laviosa, S. (2002). *Corpus-based translation studies: Theory, findings, applications*. Rodopi.
- Olohan, M. (2004). *Introducing corpora in translation studies*. Routledge.
- Othman Lebar. (2012). *Kualitatif dalam penyelidikan pendidikan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pym, A. (2014). *Exploring translation theories* (2nd ed.). Routledge.
- Siti Khatijah Mat Rashid, & Hakim Zainal. (2013). Kajian kontrastif terhadap gaya bahasa *al-tawkid* antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 35(2), 19–25.
- Tanzil Project. (n.d.). *Qur'an text and translation data (Tanzil Project)*. <https://tanzil.net>
- Venuti, L. (2013). *Translation changes everything: Theory and practice*. Routledge.
- Yaakub, M. B. (2024). The importance of semantics equivalence in translating Islamic terms into the Malay language. *IIUM Journal of Educational Studies*, 12(2), 119–134. <https://doi.org/10.31436/ijes.v12i2.553>
- Zanettin, F. (2012). *Translation-driven corpora: Corpus resources for descriptive and applied translation studies*. Manchester: St. Jerome Publishing.